

**Pergolakan di Ukraine jejas usaha bawa dalang MH17 ke muka pengadilan – PM  
Astro Awani  
29 Oktober 2014**

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak khuatir pergolakan yang berlaku di Ukraine akan terus menjadi penghalang akses ke lokasi nahas.

Ia sekali gus bakal menjejaskan usaha negara untuk membawa dalang yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17 ke muka pengadilan.

Najib berkata demikian kepada *Reuters* ketika menghadiri persidangan Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) Ke-10 di Dubai.

“Penyiasatan ini akan melalui satu proses yang panjang, tetapi kita perlu lakukannya. Kita perlu buktikan yang pihak bertanggungjawab harus menerima hukuman setimpal.

“Ini kerana, sesiapa sahaja tidak boleh menembak jatuh mana-mana pesawat awam, walaupun dengan alasan ia tidak disengajakan” kata Najib.

Penerbangan MH17 sedang dalam penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur apabila terhempas di Donetsk, timur Ukraine dekat sempadan Rusia pada 17 Julai.

Kiev menyalahkan pemberontak pemisah di timur Ukraine dan menuduh Moscow sebagai dalang bertanggungjawab membekalkan senjata kepada mereka.

Walau bagaimanapun, pihak pemberontak dan Moscow menafikan tuduhan tersebut.

Kata Najib, proses penyiasatan terbatas dan masih belum memadai.

“Puak pemisah masih berperang antara satu sama lain dan terlalu banyak kelompok kecil, menjadikan usaha itu sangat berisiko kepada kita.

“Dalam masa yang sama, sangat mengecewakan apabila pihak penyiasat tidak beroleh akses ke lokasi nahas. Penyiasatan setakat ini masih belum memadai,” kata Najib.

Najib turut memberitahu *Reuters* bahawa harapan yang sama turut diletakkan dalam usaha merungkai misteri kehilangan pesawat MH370.

Pencarian MH370 diteruskan dengan menggunakan kapal pencari dasar laut, GO

Phoenix.

"Sekarang, kita menggunakan teknologi yang paling canggih di bawah perbelanjaan Malaysia. Semoga pada bulan-bulan yang mendatang akan ada kejayaan.

"Tetapi jika anda bertanya kepada saya berapa lama masa yang akan diambil? Tiada siapa yang boleh memberikan jawapan itu," kata Najib.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/pergolakan-di-ukraine-jejas-usaha-bawa-dalang-mh17-ke-muka-pengadilan-pm-47261>